

Menelusuri Tarian Tradisional Etnik Kaum Bidayuh :Tarian Langgie Pingadap

Nur Ami Syamira Azlan
Sharifah Afiqah Wan Hasri
Wan Satirah Wan Mohd Saman

Fakulti Pengurusan Maklumat
Uitm Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Artikel ini ditulis berdasarkan kepada sumber sejarah lisan iaitu dokumentasi secara lisan bersama Encik Rejerki Misek dengan menggunakan pendekatan medium aplikasi dalam talian, Google Meet. Encik Rejerki merupakan seorang tenaga pengajar di Sekolah Seni Malaysia Sarawak. Beliau mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam tarian tradisional kaum Bidayuh di Sarawak iaitu tarian Langgie Pingadap. Artikel ini membincangkan tentang asal usul serta sejarah tarian, tujuan dipersembahkan, bagaimana tarian ini ditarikan serta pelbagai perkara menarik berkaitan dengan tarian ini serta latar belakang masyarakat Bidayuh di Sarawak. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai Tarian Langgie Pingadap agar ia tidak ditelan zaman atau dilupakan oleh generasi muda dan akan terus kekal untuk generasi yang akan datang.

Kata Kunci: Langgie Pingadap, Tarian, Bidayuh, Tradisional, Budaya.

ABSTRACT

This article is based on oral historical sources, namely oral documentation with Mr. Rejerki Misek using the online application, Google Meet. Mr. Rejerki is an educator at Sekolah Seni Malaysia Sarawak. He has an extensive experience and knowledge about the traditional Bidayuh dance in Sarawak, namely the

Langgie Pingadap Dance. This article also discusses the origin and history of the Langgie Pingadap Dance, the purpose of the dance performance, how this dance is curated as well as various interesting facts related to this dance and the background of the Bidayuh culture in Sarawak. The purpose of this study is to learn more about the Pingadap Langgie Dance as well as to ensure that this traditional dance will not be forgotten by the younger generation and will be continuing to remain for the future generation.

Keywords: *Langgie Pingadap, Dance, Bidayuh, Traditional, Cultural*

PENGENALAN

Masyarakat Bidayuh merupakan salah satu kelompok kaum yang terdapat dalam masyarakat Sarawak yang mana ia merupakan kaum yang terdahulu berhijrah ke Kalimantan dari kepulauan Mindanao sebelum kaum Iban bermigrasi ke Kalimantan (Mohamad Maulana & Norhuda, 2017). Sebahagian besar daripada populasi masyarakat Bidayuh beragama Kristian manakala sebahagian yang lain pula menganut agama Islam selepas proses perkahwinan campur. Namun begitu, kelompok masyarakat ini masih lagi memelihara identiti mereka melalui corak kehidupan dan budaya tradisional meskipun berlaku proses modenisasi seiring peredaran zaman. Kelompok masyarakat ini kebiasaannya mendiami kawasan barat daya negeri Sarawak terutamanya di bahagian Serian, Kuching dan Barat Kalimantan.

Tarian Langgie Pingadap yang merupakan sebuah tarian tradisional masyarakat Bidayuh Bukar dikatakan lahir dan mula dipersembahkan di sebuah kampung yang dipanggil Kampung Bunan Gega di Serian, Sarawak. Menurut Mohamad Maulana dan Norhuda (2017), tarian Langgie Pingadap ialah tarian tradisional kebanggaan masyarakat Bidayuh dan merupakan salah satu identiti utama masyarakat Bidayuh.

Istilah 'Langgie' bermaksud 'tarian' dalam Bahasa Melayu. Secara dasarnya, Tarian Langgie Pingadap dipersembahkan sebagai tanda pembuka majlis dan ia merujuk kepada tarian yang ditarikan bagi menyambut tetamu yang berkunjung tiba. Sejurus selesainya tarian ini, tarian Langgie Berokap yang bertujuan untuk memberkati semua tetamu kemudiannya dipersembahkan (Mohamad Maulana & Norhuda, 2017).

Selaku identiti utama kelompok masyarakat Bidayuh, tarian warisan ini dijaga baik bagi memastikan ia terus terpelihara meskipun masyarakat telah berasimilasi dan berubah seiring dengan arus pemodenan dan peredaran masa. Bak kata pepatah peribahasa Melayu, “yang lama dikelek, yang baharu didukung”. Selain daripada itu, tarian warisan ini juga merupakan salah satu sumber tarikan pelancongan khususnya di Negeri Sarawak.

PERMASALAHAN KAJIAN

Terdapat pelbagai tarian warisan kaum Bidayuh yang belum diketahui dengan mendalam oleh masyarakat pada masa kini (Rejerki Misek, 2020). Menurut Mohamad Maulana & Norhuda, (2017), tarian Langgie Pingadap adalah salah satu identiti utama masyarakat Bidayuh. Namun begitu, tarian ini tidak diketengahkan dan tidak juga diterangkan secara terperinci di dalam kajian mereka. Permasalahan yang dibangkitkan ialah masih sedikit kajian yang dilakukan terhadap tarian tradisional ini. Kekangan bahan kajian ternyata satu masalah dalam melakukan kajian terhadap tarian warisan ini. Secara amnya, budaya serta tarian tradisional merupakan identiti sesebuah masyarakat, malah juga bangsa. Maka, kajian terhadap Tarian Langgie Pingadap ini adalah sangat penting dan wajar dijalankan bagi memastikan kesinambungan budaya, seterusnya mengekalkan keunikan tarian agar ia terus diingati, dibudayakan serta diwarisi.

Terdapat banyak elemen penting yang perlu dikaji secara lebih mendalam agar anak bangsa dapat lebih mengenali dan memahami tarian tradisional ini. Di Malaysia, dokumentasi berkenaan dengan tarian ini kurang di dedahkan kepada generasi muda. Perkara ini merupakan satu masalah dan perlulah di atasi demi menjamin kelangsungan tarian tradisional ini. Dokumentasi seperti dokumentari berkenaan tarian Langgie Pingadap akan memberi seribu satu manfaat kepada generasi muda untuk terus mengenali budaya yang wujud di Malaysia. Dokumentasi-dokumentasi ini boleh memberi pendedahan kepada setiap lapisan masyarakat dan juga boleh diperkenalkan kepada pelajar seawal peringkat pra sekolah dan seterusnya kepada peringkat rendah dan menengah.

OBJEKTIF KAJIAN

Penulisan sejarah lisan amatlah penting terutamanya yang melibatkan perkara atau peristiwa yang jarang atau tidak pernah diketahui masyarakat akan kejadiannya. Antara tujuan penulisan sejarah lisan ini diadakan adalah :

- a) Untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai asal usul tarian tradisional Langgie Pingadap.
- b) Untuk menerangkan cara-cara tarian Langgie Pingadap ini ditarikan dan dipersembahkan.
- c) Untuk mengkaji sumbangan tokoh iaitu encik Rejerki Misek yang terlibat dalam memartabatkan tarian Langgie Pingadap.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan merungkaikan persoalan-persoalan berikut:

- a) Apakah asal usul tarian tradisional iaitu Langgie Pingadap.
- b) Bagaimanakah tarian Langgie Pingadap ini dilakukan.
- c) Apakah sumbangan tokoh Encik Rejerki Misek dalam tarian Langgie Pingadap

KAJIAN LITERATUR

Malaysia selaku negara yang mempunyai tradisi yang kuat dalam tarian, adalah sangat memartabatkan kepelbagaian seni tarian tradisional. Tarian merupakan salah satu budaya yang diamalkan oleh pelbagai kaum dan bangsa dimana ia dapat membangkitkan elemen perpaduan kerana, tiada tembok yang dapat memisahkan antara kaum apabila melibatkan tarian. Tidak dinafikan bahawa setiap bangsa yang berlainan mempunyai tarian tradisional mereka yang tersendiri. Dianggap unik, seni tarian tradisional dapat menyuntik semangat perpaduan, menghormati kepelbagaian dan kelainan. Seperti yang diketahui, terdapat pelbagai jenis tarian tradisional yang wujud di Malaysia.

Terdapat pelbagai kajian tentang tarian tradisional antaranya ialah tarian tradisional Zapin Johor (Mustapiani & Desy ika, 2019). Menurut Mustapiani dan

Desy Ika (2019), tarian Zapin Johor ialah tarian masyarakat Melayu. Tarian ini yang juga merupakan tarian tradisional masyarakat Melayu, didapati berasal daripada Tanah Arab. Gerak tari tarian Zapin ini adalah cepat dan ia tidak mempunyai gerakan bunga tari yang banyak. Mula dikenali pada awal 50an sehingga 60an, tarian Zapin mempunyai dua bentuk tari yang berlainan iaitu Zapin Arab dan Zapin Melayu. Meskipun mempunyai perbezaan dari konteks adaptasi, secara amnya kedua genre tersebut berasal dari satu rumpun yang sama iaitu kesenian masyarakat Arab yang dibawa dari Hadramaut. Di Malaysia, khususnya di Negeri Johor, tarian Zapin diterima baik oleh masyarakat sekeliling dan diterima pakai sebagai salah satu kesenian yang berunsurkan elemen Islamik. Kerap kali dipersembahkan di sambutan-sambutan hari kebesaran dan majlis-majlis rasmi di Malaysia, tarian ini banyak menekankan tentang kehalusan dan keayuan gerak tari. Keunikan tarian ini berupaya untuk mewujudkan budaya perpaduan dan integrasi antara penari dan dapat juga mengeratkan lagi persaudaraan serta hubungan silaturrahim antara penari, pemuzik dan juga individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam tarian Zapin ini.

Selain itu, Tarian Tradisional Zapin Sarawak (Dino & Lawrence, 2007) dan juga Tarian Boria (Azlan, 2015) merupakan antara contoh seni tarian tradisional yang wujud di Malaysia. Tarian Boria di Pulau Pinang adalah berkait rapat dengan sejarah kedatangan tentera India Muslim di Pulau Pinang dan turut dikaitkan dengan peristiwa Islam iaitu Qarbala. Dari perspektif bentuk dan gaya tarian, ianya adalah lebih menjurus kepada konteks penceritaan, nyanyian, tarian, lawak jenaka dan selainnya. Menurut Azlan (2015), bentuk akulturasi budaya Islam dan lokal dalam tarian Boria dapat dilihat dari wujudnya unsur Islam seperti kata dan nyanyian yang menggunakan bahasa Arab dan Al-Quran yang bercampur dengan tarian tradisional masyarakat Melayu di Pulau Pinang.

Seni tarian tradisional yang lain termasuk tarian Menora (Norsyakilah & Mohd Yuszaidy, 2018) yang turut dikenali sebagai teater tari tradisi rakyat dimana tarian ini seringkali dipersembahkan di upacara dan perayaan Buddha terutamanya di Wat Buddha. Di Kelantan, perkahwinan di antara masyarakat Cina tempatan dan masyarakat Siam telah membentuk satu bentuk komuniti campuran yang berasimilasi dan digelar Cina peranakan. Mengamalkan budaya

Cina peranakan itu sendiri telah membawa kepada kewujudan tarian Menora yang dipercayai dapat memberi manfaat yang banyak kepada sesebuah masyarakat seperti jalinan hubungan yang erat sesama mereka. Ini kerana terdapat campuran warisan budaya Cina serta budaya Siam di dalam tarian tradisional tersebut.

Berdasarkan kepada kajian literatur di atas, tiada kajian yang menyeluruh dilakukan dan menyentuh secara spesifik tentang tarian tradisional kaum Bidayuh iaitu tarian Langgie Pingadap. Meskipun terdapat satu kajian berkaitan (Mohamad Maulana Magiman & Norhuda, 2017) yang mengkaji perihal tarian Langgie Pingadap sebagai identiti Bidayuh Sarawak, namun mereka secara khususnya lebih memfokuskan kepada asal usul dan budaya masyarakat Bidayuh dan hanya membincangkan sedikit mengenai tarian Langgie Pingadap.

Bagi mencapai objektif tugas sejarah lisan ini, penyelidik telah menemubual tokoh yang mempunyai pengalaman dan terlibat dalam usaha mengekalkan tradisi tarian Langgie Pingadap yang merupakan identiti etnik kaum Bidayuh. Antara maklumat yang telah diperolehi dari sesi temubual tersebut termasuk maklumat terperinci mengenai tarian tradisional ini serta sejarah asal usulnya. Sebagai salah satu tarian tradisional etnik Kaum Bidayuh terutamanya bagi masyarakat Bidayuh Bukar di Serian, Sarawak, tarian ini merupakan tarian memberkati tetamu dan ia seringkali dilakukan pada waktu musim menuai ataupun Gawai. Tarian ini terus dijaga dan dipelihara dengan baik oleh kelompok masyarakat Bidayuh walaupun mereka telah melalui perubahan modenisasi seiring peredaran masa.

Bagi membantu usaha pemeliharaan warisan tersebut, tidak dapat disangkal lagi bahawa sejarah lisan turut memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan warisan bangsa dan sejarah kesenian tradisional Malaysia. Selain itu, sejarah lisan juga dapat memenuhi jurang-jurang kajian sejarah tempatan yang mana perolehan rekod secara lisan dan bertulis ini boleh dipraktikkan bagi kegunaan untuk masa yang akan datang. Sejarah lisan juga boleh dijalankan ke atas tokoh-tokoh yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia. Sebagai contoh, projek sejarah lisan ini boleh dilaksanakan ke atas individu-individu yang terlibat dalam pendudukan Jepun di Tanah

Melayu, peristiwa darurat, pejuang-pejuang kebangsaan, kemerdekaan dan sebagainya (Siti Roudhah, 2012). Sejarah lisan ke atas tokoh yang telah meninggal dunia seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ataupun Tun Hussien Onn juga boleh dilaksanakan dengan cara mendapatkan maklumat daripada orang yang paling rapat seperti ahli keluarga ataupun kenalan rapat (Siti Roudhah, 2012).

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk lebih mengetahui secara mendalam tentang maklumat maklumat penting berkenaan dengan tarian tradisional Kaum Bidayuh iaitu Tarian Langgie Pingadap. Dengan melakukan kajian ini, penyelidik akan dapat mendalami dengan lebih terperinci tentang warisan-warisan tradisional yang tidak ternilai harganya. Kajian ini juga mengkaji tentang asal usul, tujuan tarian dipersembahkan, bagaimana tarian ini ditarikan serta pelbagai perkara-perkara menarik berkaitan tentang tarian ini serta latar belakang masyarakat Bidayuh di Sarawak. Penyelidik juga mengetengahkan perkara-perkara penting yang berkaitan dengan tarian ini seperti muzik, alat muzik serta kostum-kostum yang diguna pakai untuk menjayakan tarian ini. Kepentingan kajian ini juga adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai tarian serta untuk memastikan tarian tradisional ini tidak akan dilupakan oleh generasi muda dan akan terus kekal untuk generasi yang akan datang.

METODOLOGI

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah metodologi sejarah lisan bagi tujuan mendapatkan fakta. Sejarah lisan didefinisikan sebagai proses yang melibatkan individu yang boleh menggambarkan dan menceritakan peristiwa sejarah, dengan cara mengumpul maklumat peristiwa yang lepas yang khususnya dirujuk daripada ingatan seseorang individu tersebut, kertas, surat, diari, gambar dan sebagainya. Fakta sejarah lisan dikatakan mempunyai kekuatan tersendiri yang dapat menjelaskan peristiwa masa lampau yang telah berlaku. Menurut Rozeman (2004), sejarah lisan turut terdiri daripada pelbagai jenis sastera rakyat seperti mitos, lagenda, cerita asal-usul dan sebagainya. Hubungan sejarah, ilmu serta sejarah lisan boleh dilihat jelas dari segi

pemahaman tentang ilmu dan sejarah. Dengan penghasilan rekod melalui sejarah lisan, ia dapat memberi gambaran tentang ilmu dan informasi. Namun begitu, proses penghasilan sejarah lisan memerlukan satu kaedah yang sistematik bagi memastikan sesebuah hasil kajian itu mempunyai nilai sejarah dan objektif dan antara proses penting termasuk perancangan awal kajian.

Dalam pelaksanaan penyelidikan ini, kaedah kajian kualitatif yang digunakan oleh penyelidik ialah temubual secara lisan menggunakan aplikasi dalam talian, Google Meet bersama dengan Encik Rejerki Misek. Pada awalnya, penyelidik menggunakan aplikasi dalam talian seperti Facebook dan Whatsapp untuk menjejaki dan seterusnya berhubung dengan Encik Rejerki Misek. Penyelidik memilih Encik Rejerki Misek sebagai tokoh untuk di temubual berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang terdapat pada diri beliau menepati kehendak serta memenuhi skop kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

Menurut kajian, Encik Rejerki Misek merupakan anak jati masyarakat kaum Bidayuh di Sarawak yang kini bertugas sebagai pendidik di Sekolah Seni Malaysia Sarawak dan mempunyai latar belakang yang kukuh berkenaan dengan tarian tradisional etnik kaum Bidayuh. Beliau turut mempunyai pengalaman yang luas dalam pengendalian tarian-tarian tradisional kaum masyarakat Bidayuh di Sarawak, dimana salah satunya ialah tarian tradisional Langgie Pingadap. Selain itu, beliau juga telah menerima pelbagai anugerah yang berkaitan dengan tarian tradisional termasuk pingat emas dalam *Youth Cultural and Art Festival*. Beliau juga pernah menjadi koreografer untuk program Radio Television Malaysia (RTM) bagi Pertandingan Bintang Kecil pada tahun 2007.

Dalam situasi pandemik Covid 19 yang telah menjejaskan seluruh dunia, penyelidik telah mengambil inisiatif untuk menggunakan aplikasi dalam talian iaitu Google Meet untuk menjayakan temubual ini. Seperti yang diketahui umum, setiap aplikasi mempunyai baik dan buruknya, begitu juga dengan medium yang telah dipilih oleh penyelidik. Terdapat beberapa gangguan dan ralat yang berlaku ketika penyelidik menjalankan temubual bersama Encik Rejerki Misek. Antaranya ialah gangguan talian seperti talian yang terputus-putus dan suara yang tidak jelas didengar. Tetapi perkara sedemikian tidak

menghalang penyelidik daripada melakukan temubual serta kajian berkenaan tentang tarian tradisional ini.

HASIL KAJIAN



Gambar 1: Persembahan tarian Langgie Pingadap (Sumber Google)

Hasil kajian yang diperolehi penyelidik berkenaan tarian tradisional masyarakat kaum Bidayuh iaitu tarian Langgie Pingadap ini diharapkan menjadi salah satu sumber bagi rujukan generasi muda kini dan generasi akan datang. Antara hasil kajian yang diperolehi berkenaan dengan tarian tradisional tersebut ialah:

Asal usul tarian Langgie Pingadap

Tarian ini pada dasarnya adalah tarian yang dipersembahkan dengan tujuan untuk menyambut tetamu yang bertandang ke rumah panjang di Sarawak pada suatu ketika dahulu. Kebiasaannya, ia dipersembahkan sebagai pembuka majlis bagi memberkati semua tetamu yang bertandang disusuli dengan tarian Langgie Berokap. Pada zaman dahulu, tarian ini dipersembahkan untuk menyambut pahlawan yang digelar *Victorius Headhunter* kerana keberanian mereka untuk berperang dan melindungi kaum Bidayuh. Kini, tarian ini bukan sahaja dipersembahkan untuk tetamu yang bertandang di rumah panjang tetapi juga dipersembahkan sebagai tarian pembuka majlis di majlis-

majlis utama di Borneo khususnya di Sarawak. Selain daripada itu, tarian ini juga berkait rapat dengan budaya padi. Pada zaman dahulu, tarian ini dipersembahkan selepas kerja menuai dilakukan sebagai tanda doa kesyukuran kepada Tuhan atas hasil yang diperolehi. Tarian ini adalah gambaran identiti masyarakat Bidayuh dimana ia dikaitkan dengan kehidupan pertanian dan padi.

Dari aspek sambutan, tarian ini dipersembahkan bagi menyambut perayaan Gawai oleh kaum Bidayuh di Sarawak. Ia turut diinspirasikan dari alam semula jadi dan juga daripada aktiviti harian masyarakat. Antara keistimewaan tarian ini ialah, ia dapat menghiburkan tetamu yang datang serta mempunyai nilai moral yang tersendiri seperti amalan kerjasama dan toleransi yang disemai dalam diri dan antara penari-penari yang menjayakan persembahan ini. Pada zaman dahulu, tarian ini hanya ditarikan oleh wanita-wanita yang terpilih sahaja tetapi dengan perubahan modenisasi serta evolusi yang telah berlaku pada masa kini, tarian ini juga boleh ditarikan oleh lelaki. Selalunya tarian ini ditarikan secara berkumpulan yang memerlukan sekurang-kurangnya empat atau lima orang atau lebih.

Pakaian yang digunakan dalam tarian Langgie Pingadap



Gambar 2: Pakaian Tradisional Kaum Bidayuh (Sumber Google)

Bagi menjayakan tarian ini, pakaian yang dikenakan oleh penari ialah baju tradisional dipanggil baju boris. Baju boris hanya dipakai oleh penari wanita sahaja yang turut digayakan bersama dengan aksesori penuh semasa menjayakan tarian ini. Antaranya ialah perhiasan kepala, juga dipanggil sebagai *head gear*, skirt, tali pinggang, gelang serta aksesori-aksesori yang lain. Manakala penari lelaki akan mengenakan baju yang dipanggil baju jipo dan seluar panjang. Kadangkala, penari lelaki juga mengenakan baju jipo bersama seluar tiga suku.

Fabrik yang digunakan untuk Tarian Langgie Pingadap

Fabrik yang digunakan dalam pembuatan kostum tarian Langgie Pingadap ini adalah daripada fabrik kapas. Fabrik daripada binatang tidak diguna pakai untuk membuat kostum tarian ini sebaliknya selalu digunakan untuk kostum tarian ritual seperti tarian Rejang Beuh.



Gambar 3 : Kostum tarian Langgie Pingadap (Sumber Google)

Simbolik warna pada pakaian tarian Langgie Pingadap

Tiga dominasi warna bagi kostum tarian Langgie Pingadap ialah warna merah, hitam dan putih. Ketiga-tiga warna ini inspirasikan daripada alam ghaib. Dan oleh kerana warna merah, hitam dan putih berupa simbolik kepada

masyarakat Bidayah, ketiadaan salah satu warna akan menimbulkan perasaan pelik pada masyarakat kerana ketiga-tiga warna ini adalah satu kemestian yang digandingkan bersama.

Instrumen muzik yang digunakan dalam tarian Langgie Pingadap



Gambar 4: Ogong : Instrumen muzik (Sumber Google)

Instrumen muzik yang digunakan untuk menjayakan tarian ini ialah ogong yang juga dikenali sebagai gong oleh rakyat Malaysia. Selain daripada ogong, instrumen lain seperti kitak, gendang dan pidapat turut digunapakai untuk mengiringi tarian Langgie Pingadap. Jenis muzik yang digunakan dalam tarian tradisional ini pula dipanggil Gawai Bujog. Tarian ini ditarikan dengan penuh lemah gemalai oleh penari sambil menabur bunga kepada tetamu-tetamu yang datang.



Gambar 5: Tawak: Instrumen muzik (Sumber Google)

Gerak tari di dalam tarian Langgie Pingadap



Gambar 6: Gerak tari tarian (Sumber portal dalam talian Harian Metro)

Gerak tarian yang dipersembahkan lebih bersifat ringan dan tidak memberi makna yang spesifik. Tarian Langgie Pingadap ini diakhiri dengan penari memberikan tunduk hormat kepada tetamu yang datang. Kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh penari sebelum menarikan tarian adalah gerakan kaki dan gerakan tangan. Kedua-dua gerakan tersebut merupakan pergerakan yang sangat penting dalam mengendalikan tarian ini dan penari perlu mempunyai tenaga yang optimum untuk menjayakannya.

Hasil daripada kajian ini, pembaca akan mengetahui tentang tarian Langgie Pingadap dengan lebih mendalam serta terperinci. Sebagai salah satu khazanah negara yang tidak ternilai harganya, tarian Langgie Pingadap ini akan diharap akan terus kekal terpelihara dan menjadi salah satu identiti negara Malaysia.

KESIMPULAN

Sejarah lisan ini sangat membantu dalam mencungkil sejarah lama berkaitan tarian Langgie Pingadap yang dipersembahkan oleh kaum Bidayuh di Sarawak dengan tujuan menghormati tetamu yang datang. Sebagai penutup, artikel ini membincangkan serba sedikit mengenai latar belakang tarian, objektif

kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, kajian literatur, kepentingan dan sumber kajian, metodologi serta hasil kajian yang ingin dicapai dalam melaksanakan sejarah lisan ini. Akhir sekali, penyelidik turut menerangkan perkara-perkara lain yang berkait rapat dengan tarian ini secara terperinci. Sehubungan dengan itu, penyelidik berharap kajian yang telah dijalankan ini akan memberi seribu satu manfaat kepada pembaca.

RUJUKAN

- Bk, K. (2020, May 28). FAKTA MENARIK : Kenali Adat Dan Pantang Larang Kaum Bidayuh. Retrieved December 21, 2020, from <https://www.iloveborneo.my/cerita-menarik-dari-borneo/fakta-menarik-kenali-adat-dan-pantang-larang-kaum-bidayuh/>
- Boni, B. (2013, June 05). Bidayuh Dance - Langgie Pingadap. Retrieved December 21, 2020, from <https://www.youtube.com/watch?v=YAqUnxpIX44>
- Haron, N. (2020). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 9.
- Get to know: The Bidayuh of Sarawak. (2020, July 19). Retrieved December 14, 2020, from <https://www.borneotalk.com/get-to-know-the-bidayuh-of-sarawak/>
- Jawatankuasa Anak Seni DUN Lingga. (n.d.). Retrieved December 14, 2020, from <https://www.facebook.com/495294393983689/posts/tarian-suku-kaum-bidayuhlanggi-pingadap-sebuah-tarian-bidayuh-memberkati-tetamu-/496243143888814/>
- Magiman, M., Salleh, N., Seni, F., & Warisan, D. (2017, December 30). (PDF) IDENTITI BIDAYUH SARAWAK DALAM TARIAN LANGGIE PINGADAP (BIDAYUH SARAWAK'S IDENTITY IN LANGGIE PINGADAP DANCE). Retrieved December 14, 2020, from <https://www.researchgate.net/publication/322200198>
- Mat Hassan, N. B., & Mohd Yusoff, M. Y. (2018, March 30). Elemen Cina Peranakan Dalam Tarian Menora Di Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1). Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/70>
- Mesa, C. (2018, December 18). Kendy serlahkan keindahan budaya Bidayuh melalui seni visual. Retrieved December 21, 2020, from <https://www.utusanborneo.com.my/2018/12/18/kendy-serlahkan-keindahan-budaya-bidayuh-melalui-seni-visual>
- Mustafiani, D. I. (2019). Pengenalan Tarian Tradisional Zapin Johor Malaysia.

- Saad, S. R. M., Mohamad, R. B. J., dan Noor, C. R. C. J., & Jan, A. W. (2012). Penukilan ilmu baharu melalui sejarah lisan. *Jurnal PPM*, 6, 63-76.
- Tuuh, A. (2020, September 11). Langi Pingadap - Tarian suku kaum Bidayuh. Retrieved December 21, 2020, from <https://www.youtube.com/watch?v=xZ9fbJ6aqQU>
- Vilten, V. (2020, February 16). Tarian langgie pingadap bidayuh community. Retrieved December 21, 2020, from <https://www.youtube.com/watch?v=USACH1tjUwA>